

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]
RUJUKAN : BL6 [PR-1341-T72642]
SOALAN :

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan :-

- (a) senarai jumlah permohonan dan Petak Khas melalui City Car Park Kuala Lumpur hingga Februari 2016 dan apakah langkah untuk membanteras isu parking secara haram di kawasan pusat bandar raya; dan
- (b) senarai kriteria yang diperlukan oleh syarikat yang mengeluarkan Pas Bulanan seperti Car Park City.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai,

- (a) Bermula pada Oktober 2015, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melantik sebuah syarikat swasta bagi menguruskan tempat letak kereta tepi jalan di seluruh kawasan Kuala Lumpur merangkumi tempat letak kereta bermeter dan tempat letak kereta bermusim.

Pengurusan ini dinamakan sebagai KL City Park. Sehingga Februari 2016, jumlah petak khas adalah sebanyak 1,148 petak. Kadar bayaran tempat letak kereta khas adalah berjumlah RM212.00 di dalam kawasan pusat bandar, RM159.00 di kawasan luar pusat bandar dan RM31.80 untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Kelulusan adalah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Permohonan Petak Khas.

- (b) Kriteria yang ditetapkan oleh DBKL adalah kategori perniagaan adalah seperti berikut :-

- 1) Hotel;
- 2) Bank / Kedai Emas & Berlian;
- 3) Klinik/ Pusat Perubatan/ Hospital;
- 4) Kedai Tayar/ Bengkel/ Kedai Aksesori/ Kedai alatganti kereta;
- 5) Kedai motosikal/ kedai basikal;

- 6) Kedai makanan segera yang terdapat perkhidmatan "*delivery*" sahaja;
- 7) Kedai haiwan peliharaan/ Hospital haiwan/ Klinik haiwan (*veterinary*);
- 8) Kedai dobi/ kedai *laundry*;
- 9) Pasar Mini/ Pasaraya/ kedai runcit yang melibatkan aktiviti pemunggaan;
- 10) Kedai Butik Pengantin yang menghias kenderaan pengantin;
- 11) Kedai barangan logam (*hardware*);
- 12) Pemborong pakaian/ tekstil;
- 13) Pemborong elektrik/ elektronik;
- 14) Pemborong barangan/ makanan sejuk beku;
- 15) Syarikat kawalan keselamatan (*safe guard*) yang memiliki "*vault room*";
- 16) Pemohon adalah golongan OKU (salinan kad JKM dan salinan geran kereta OKU tersebut diperlukan);
- 17) Kedutaan-kedutaan/ Badan Kerajaan dan Berkanun;
- 18) Kedai cuci kereta yang mempunyai lesen perniagaan sahaja;
- 19) Pembinaan yang melibatkan laluan kenderaan berat dan keselamatan;
- 20) Pengurup wang berlesen (*money changer*);
- 21) Kedai perkhidmatan keranda kematian (*coffin*); dan
- 22) Lain-lain perkhidmatan melibatkan aktiviti punggah-memunggah yang kerap dan tinggi.